

Malaysia perlukan FTA – Najib

Daripada ROSNI HASSAN

OSAKA 8 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia mengakui perlunya perjanjian perdagangan bebas (FTA) dijalinkan dengan Amerika Syarikat (AS) tetapi pada masa yang sama mahu perkara-perkara yang terkandung dalam perjanjian itu diterima oleh kedua-dua negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membuat keputusan mengenai rundingan dengan AS berhubung FTA sebelum akhir bulan ini.

"Kita akan cuba untuk memperhalusi perbezaan pendapat dengan AS. Ya, kita memang memerlukan FTA, tetapi ia mestilah diterima oleh kedua-dua pihak dan tidak memberi sebarang kesan negatif.

"Ia perkara yang sensitif dari segi politik," katanya semasa menjawab soalan

seorang ahli perniagaan Jepun pada satu majlis di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam berkata, kerajaan memberi jaminan melindungi kepentingan negara dalam rundingan FTA dengan AS.

Menurut Perdana Menteri, perkara itu telah dibincangkan dengan mendalam pada mesyuarat Jemaah Menteri semalam dan akan dibincangkan lagi pada mesyuarat minggu depan.

Beberapa pihak di Malaysia telah menyuarakan kebimbangan bahawa FTA dengan AS hanya menguntungkan negara itu dalam pelbagai perkara.

Sebanyak 18 perkara dirundingkan dalam FTA dengan AS, antaranya barangan perindustrian, tekstil dan pakaian, prosedur kastam, hak harta intelek, pertanian, perkhidmatan kewangan, telekomunikasi, alam sekitar dan pelaburan.

UM- 9/3/2007

Kita akan cuba untuk memperhalusi perbezaan pendapat dengan AS. Ya, kita memang memerlukan FTA, tetapi ia mestilah diterima oleh kedua-dua pihak dan tidak memberi sebarang kesan negatif

Malaysia dan AS telah mengadakan beberapa siri rundingan berkaitan perkara itu dengan rundingan terakhir diadakan di Kota Kinabalu bulan lalu.

Tarikh akhir pemeteraian rundingan FTA ditetapkan pada Mac ini kerana pihak berkuasa AS perlu membentangkannya kepada Kongres dalam tempoh 90 hari sebelum mandat Pihak Berkuasa Promosi Perdaganganannya bagi membincangkan perjanjian itu tamat pada bulan Jun ini.

Terdahulu, Najib dalam ucapannya di

Osaka meminta ahli-ahli perniagaan Jepun merebut peluang ekonomi yang ada di Malaysia.

Katanya, Malaysia sentiasa mengalu-alukan pelabur dari Jepun untuk melabur dalam pelbagai bidang yang berpotensi.

Najib mengakhiri lawatan empat harinya ke Jepun hari ini. Petang ini beliau berlepas ke Korea Selatan bersama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kansai di sini.

**NAJIB
TUN RAZAK**
Timbalan
Perdana
Menteri

- Utusan